

Penilaian Prestasi Kewangan Melalui Analisis Nisbah

Moriza Fikri
Politeknik Hulu Terengganu
moriza@pht.edu.my

Wan Mustaffa Wan Yusoff
Politeknik Hulu Terengganu
wan_mustaffa@pht.edu.my

Azmah Salleh
Politeknik Hulu Terengganu
azmah@pht.edu.my

Abstract

The strength of an organization is recognizable when the company performance is being analyzed across the time. Financial managers often evaluate the financial performance by using financial ratio analysis to measure the company finance. The focus of this study is to evaluate the performance of the company using the ratio analysis method for a Multi-Level Marketing (MLM) company. The methodology of this research is based on statistical and infrared analysis of secondary data collected from the financial statements of MLM Company for five years starting from year 2013 to 2017. The findings of this study can be used to measure the relationship as well as the significance of ratio analysis in evaluating company performance. There are four types of ratio analysis being used for instance liquidity, activity, solvency and profit ratio. The result showed leverage has a negative relationship and has significant impact on the company's financial performance assessment. Therefore, companies must control their debt so that their profitability will not be adversely affected. Meanwhile, profit ratio has a positive relationship and has a significant impact on the valuation of a company's financial performance. Final discussion proven that profit ratio act as the indicator of income capacity as well as the performance, growth and controller for the company.

Keywords: liquidity ratio, profit ratio, leveraj ratio

Abstrak

Kehebatan sesebuah organisasi itu boleh diketahui apabila penilaian prestasinya dibuat dari masa ke semasa. Pengurus kewangan selalunya membuat penilaian prestasi kewangan dengan menggunakan analisis nisbah kewangan untuk menilai kedudukan kewangan sesebuah firma itu. Fokus kajian ini adalah untuk menilai prestasi syarikat dengan menggunakan kaedah analisis nisbah ke atas sebuah syarikat "Multi-Level Marketing" (MLM). Metodologi kajian ini adalah berasaskan analisis statistik dan infransi ke atas data sekunder yang dikumpul daripada penyata kewangan sebuah syarikat MLM selama lima tahun (2013 hingga 2017). Hasil kajian ini boleh menyumbang kepada dapatan empirikal tentang hubungan dan signifikan analisis nisbah dalam menilai prestasi syarikat. Empat jenis analisis nisbah yang digunakan adalah nisbah kecairan, aktiviti, leveraj dan keuntungan. Kajian ini mendapati bahawa leveraj mempunyai hubungan negatif dan memiliki kesan signifikan ke atas penilaian prestasi kewangan syarikat. Dengan ini, syarikat-syarikat mesti mengawal jumlah hutangnya supaya jumlah keuntungan tidak

95

teruk terjejas. Nisbah keuntungan pula mempunyai hubungan yang positif dan memiliki kesan signifikan ke atas penilaian prestasi kewangan syarikat. Ternyata bahawa nisbah keuntungan ini merupakan pengukur kapasiti pendapatan dan indikator prestasi, pertumbuhan dan kawalan kepada syarikat.

Kata Kunci: nisbah kecairan, nisbah keuntungan, nisbah leveraj

1.0 Pengenalan

Semua organisasi yang ditubuhkan berhasrat untuk mencapai objektif masing-masing. Kehebatannya boleh dikenalpasti dengan membuat pengukuran prestasi kewangannya dari masa ke semasa. Penilaian prestasi kewangan bagi sesebuah organisasi itu adalah merujuk kepada aktiviti kewangan yang telah dijalankan bagi satu tempoh tertentu (Akhor & Jafaru, 2015). Ia merupakan satu proses menilai secara keseluruhan kemantapan kewangan bagi satu tempoh tertentu dan perbandingannya antara syarikat-syarikat yang ada dalam industri yang sama atau antara industri-industri atau seksyen-seksyen secara menyeluruh (Kapil & Dinesh, 2018). Pengurus kewangan merupakan pihak yang memainkan peranan utama dalam memastikan penilaian prestasi kewangan yang cemerlang. Mereka selalunya melakukan analisis kewangan, terutamanya mengira nisbah kewangan untuk menganalisa perkembangan kewangan firma, analisis antara seksyen dan analisis perbandingan. Analisis nisbah kewangan merupakan kaedah yang paling popular dan meluas digunakan sebab ianya boleh digunakan sebagai sumber data kepada model-model matematik yang kompleks (Myšková, & Hájek, 2017).

2.0 Pernyataan masalah

Model-model kewangan juga banyak dibangunkan termasuk analisis nisbah kewangan yang terbukti secara praktikal akan keupayaannya untuk menilai prestasi sesebuah organisasi. Namun, kaedah analisis nisbah kewangan dalam menilai prestasi organisasi masih terdapat isunya yang tersendiri. Antaranya, ia adalah satu pertimbangan yang subjektif di mana tiada satu teori dalam menentukan angka yang tepat untuk nisbah-nisbah berkenaan dan nisbahnya tidak jitu bagi perbandingan antara syarikat-syarikat disebabkan oleh amalan perakaunan dan tahun perakaunan yang berbeza, nisbah dikira berdasarkan data-data yang lepas dan penyata kewangan yang disediakan berasaskan nilai atau kos anggaran (Lermack, 2003). Oleh itu, penilaian prestasi kewangan ini hendaklah dilaksanakan oleh penganalisa yang mahir dan persoalan kajian berikut telah digunakan sebagai panduan dalam menjalani kajian ini:

- 2.1 Sejauh manakah nisbah kecairan memberi kesan ke atas penilaian prestasi kewangan syarikat?
- 2.2 Sejauh manakah nisbah keuntungan memberi kesan ke atas penilaian prestasi kewangan syarikat?

- 2.3 Sejauh manakah nisbah aktiviti memberi kesan ke atas penilaian prestasi kewangan syarikat?
- 2.4 Sejauh manakah nisbah leveraj memberi kesan ke atas penilaian prestasi kewangan syarikat?

3.0 Objektif kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan bukti empirikal ke atas pengaruh penilaian prestasi kewangan melalui kaedah analisis nisbah menggunakan data daripada penyata kewangan sebuah syarikat MLM. Secara khususnya, objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- 3.1 Untuk mengenalpasti kesan nisbah kecairan ke atas penilaian prestasi kewangan syarikat.
- 3.2 Untuk mengenalpasti kesan nisbah keuntungan ke atas penilaian prestasi kewangan syarikat.
- 3.3 Untuk mengenalpasti kesan nisbah aktiviti ke atas penilaian prestasi kewangan syarikat.
- 3.4 Untuk mengenalpasti kesan nisbah leveraj ke atas penilaian prestasi kewangan syarikat.


4.0 Hipotesis kajian

Berdasarkan pernyataan masalah dan objektif kajian, berikut adalah beberapa hipotesis yang perlu diuji:

- 4.1 H_01 : Tidak ada hubungan yang signifikan antara nisbah kecairan dan penilaian prestasi kewangan syarikat
- 4.2 H_02 : Tidak ada hubungan yang signifikan antara nisbah keuntungan dan penilaian prestasi kewangan syarikat
- 4.3 H_03 : Tidak ada hubungan yang signifikan antara nisbah aktiviti dan penilaian prestasi kewangan syarikat
- 4.4 H_04 : Tidak ada hubungan yang signifikan antara nisbah leveraj dan penilaian prestasi kewangan syarikat

5.0 Kerangka konsep

Semua nisbah (kecairan, keuntungan, aktiviti dan leveraj) adalah pembolehubah bebas. Penilaian prestasi kewangan syarikat (pulangan atas asset) adalah pembolehubah bersandar.



6.0 Ulasan karya

6.1 Penilaian prestasi kewangan syarikat

Penilaian prestasi merupakan satu istilah umum yang digunakan oleh seseorang yang mengelolakan sesuatu aktiviti bagi organisasinya dalam satu

tempoh tertentu untuk menilai keberkesanan kos, kebertanggungjawaban dan akauntabiliti. Oleh itu, prestasi adalah merujuk kepada kualiti hasilan yang diperolehi samada berkeadaan baik atau sebaliknya. Penilaian prestasi bagi syarikat selalunya berasaskan kepada prestasi kewangan mereka. Kaedah yang digunakan untuk menilai prestasi kewangan adalah analisis nisbah kewangan. Menurut penulis Brigham & Ehrhardt (2010), analisis nisbah kewangan direkabentuk untuk membantu penilaian ke atas penyata kewangan syarikat. Nisbah-nisbah yang dihasilkan itu boleh menentukan samada syarikat berkenaan berada dalam kedudukan kewangan yang baik atau sebaliknya.

6.2 Nisbah kewangan

Nisbah kewangan merupakan satu alat yang sangat penting dalam analisis penyata kewangan (penyata pendapatan dan penyata kedudukan kewangan). Nisbah adalah satu pengiraan angka matematik yang merujuk kepada perhubungan bagi dua atau lebih angka dan diterjemahkan dalam bentuk pecahan, peratusan dan berapa kali. Apabila sesuatu angka dikira berdasarkan kepada dua angka yang diambil daripada penyata kewangan, ianya diistilahkan sebagai nisbah kewangan (Ms. B. Kishori & Sija ,2018). Nisbah-nisbah yang dikira dalam kajian ini telah diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu kecairan, keuntungan, aktiviti dan leveraj.

a. Nisbah kecairan

Nisbah kecairan pada dasarnya merupakan teknik yang digunakan oleh syarikat untuk mengubah aset semasanya kepada tunai. Apabila syarikat perlu menyelesaikan hutangnya, ia boleh menukar nilai aset semasanya ke dalam bentuk tunai untuk membayar liabilitinya pada tarikh matang (Mustabsar & Aisha ,2016). Semakin tinggi nisbah kecairan, semakin tinggi tahap keselamatan yang dimiliki oleh syarikat untuk menyelesaikan liabiliti semasanya. Sekiranya nisbah kecairan lebih besar dari satu, ia menunjukkan bahawa perniagaan berada dalam keadaan yang baik kedudukan kewangannya dan ia tidak akan menghadapi sebarang tekanan atau isu dalam kewangannya (Abdallah,2008).

Sekiranya nisbah kecairan syarikat tidak mencapai piawaian yang telah ditetapkan maka syarikat memerlukan kepada kaedah peningkatan kecairan yang berkesan. Pengurus kewangan syarikat boleh memperbaiki nisbah kecairan dengan menambahbaik pengurusan aset semasa dan liabiliti jangka pendek. Ia boleh dilaksanakan dengan beberapa cara seperti pemantauan ke atas akaun penghutang, menguruskan akaun belum bayar, pembayaran liabiliti semasa, meningkatkan aset semasa dengan ekuiti atau menjual aset tidak produktif (Olena,2014).

b. Nisbah aktiviti

Nisbah aktiviti digunakan untuk menilai keberkesanan pengurusan ke atas aset perniagaan. Pihak syarikat boleh menilai kadar penggunaan ke atas item modal dalam bentuk aset tertentu. Sekiranya syarikat mungkin memiliki lebih banyak aset daripada yang sesuai dan tidak banyak kos yang perlu ditanggung maka keuntungan akan dihasilkan. Sebaliknya, jika syarikat mungkin mempunyai sedikit aset, ada kemungkinan pendapatannya akan hilang (Baran,2015).

Sekiranya berlaku nisbah pusinganti inventori tidak mencapai tahap piawaiannya maka dicadangkan pengawasan stok yang berterusan perlu dilaksanakan. Selain dari itu, pada masa akan datang dicadangkan pengoptimuman pengurusan aliran stok berhubung dengan pengeluaran atau kos pembelian yang lebih baik daripada pelbagai pembekal, penyimpanan dan penggunaan melalui sistem masa yang tepat, perancangan gerakan selari dengan keperluan pengeluaran (Dusan et.al.,2016). Nisbah aktiviti sebenarnya ada kaitan yang rapat dengan nisbah kecairan (Knapková & Paveleková, 2013).

c. Nisbah leveraj

Nisbah leveraj juga dipanggil nisbah *gearing* atau pengganda ekuiti. Nisbah ini menunjukkan betapa efisien organisasi menggunakan wang orang lain dan samada ia menggunakan banyak wang yang dipinjam (Lasher, 2005). Pada umumnya, syarikat yang mempunyai nisbah leveraj yang lebih tinggi daripada sepatutnya dianggap lebih berisiko kerana mereka mempunyai lebih banyak liabiliti dan kurang ekuiti. Nisbah leveraj yang tinggi ini dilihat sebagai risiko oleh pelabur, terutama pemberi pinjaman (Mohammed,2014).

Nisbah leveraj tinggi boleh diselesaikan jika syarikat mengurangkan pergantungannya kepada orang lain dalam membiayai keperluannya (Abdel- Rahman,2013) atau syarikat harus cuba untuk mengurangkan tahap liabiliti jangka pendek (Dusan et.al.,2016).

d. Nisbah keuntungan

Nisbah keuntungan adalah indikator untuk kecekapan keseluruhan organisasi. Nisbah ini mengukur keupayaan pendapatan organisasi, dan ia dianggap sebagai penunjuk untuk pertumbuhan, kejayaan dan kawalannya. Nisbah keuntungan mengfokuskan kepada pulangan pelaburan syarikat dalam inventori dan aset lain. Nisbah ini pada dasarnya menunjukkan keupayaan syarikat boleh mencapai keuntungan dari operasi mereka (Vijay & Chandresh,2012).

Menurut kajian yang dilakukan oleh Akhor & Jafaru (2015) mendapati nisbah keuntungan mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap penilaian prestasi kewangan firma. Ini

menunjukkan bahawa peningkatan dalam nisbah keuntungan akan membawa kepada peningkatan yang ketara dalam penilaian prestasi kewangan firma. Oleh itu, keuntungan bersih organisasi menurun akan membawa kesan yang tidak baik untuk syarikat (Pritesh & Mukesh,2016).

Firma boleh meningkatkan nisbah keuntungannya dengan beberapa cara, yang paling penting ialah strategi penetapan harga dan kecekapan operasinya. Pendekatan ini menunjukkan hasil lebih selepas membayar pelbagai kos berubah seperti upah, bahan mentah dan sebagainya (Sugandha & Navneet, 2017).

7.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperolehi daripada Bursa Malaysia iaitu penyata kewangan sebuah syarikat MLM pada tempoh 2013-2017 (Bursa Saham Malaysia, 2017). Data-data daripada pengiraan nisbah seperti nisbah kecairan, nisbah keuntungan, nisbah aktiviti dan nisbah leverage (Jadual 1) dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) bagi menyelesaikan persoalan kajian dan seterusnya menentukan pencapaian objektif kajian.

Liquidity ratio	2013	2014	2015	2016	2017
Current ratio = Current asset/Current liability	2.62x	2.18x	1.65x	1.59x	1.72x
Quick ratio = (Current asset – inventory)/Current liability	1.94x	1.54x	1.21x	1.14x	1.07x
Profit ratio	2013	2014	2015	2016	2017
Gross profit Margin = (Gross profit/ Sales) x 100	31.89%	30.2%	25.14%	25.01%	24.81%
Net profit margin = (Net profit/sales) x 100	13.08%	11.68%	6.3%	5.03%	5.35%
Return on Assets (ROA) = (Net income/ total assets) x 100	33.16%	27.57%	16.29%	12.93%	12.84%
Return on equity = (Net income/owner equity) x 100	46.55%	43.17%	31.30%	25.94%	24.58%
Activity ratio	2013	2014	2015	2016	2017
Account receivable turnover= Credit sales/ Account receivable	27.6x	30.09x	22.16x	19.99x	16.05x
Average collection period= (Account receivable/Sales) x 360 days	13 days	12 days	16 days	18 days	22 days
Inventory turnover= Cost of good sold/Inventory	12.90x	7.08x	0.75x	8.59x	5.87x
Fixed assets turnover= Sales/Fixed asset	10.27x	7.82x	12.40x	9.41x	9.994x
Total assets turnover= Sales/Total asset	2.54x	1.65x	2.58x	1.93x	1.81x
Leverage ratio	2013	2014	2015	2016	2017
Debt ratio = (Total liability/Total asset) x 100	28.77 %	36.14 %	48.0%	30.16 %	47.75 %
Debt on equity = (Total liability/Owner equity) x 100	40.39 %	56.6%	92.12 %	100.64 %	91.39 %

Jadual 1: Data Pengiraan Nisbah

8.0 Dapatan analisis dan perbincangan

Di bawah ini adalah analisis statistik deskriptif yang didapati bagi kajian ini (Jadual 2).

Jadual 2: Analisis Statistik Deskriptif

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
ROA	5	.13	.33	.2056	.09273
LEVERAGE	5	.35	.70	.5720	.15926
ACTIVITY	5	10.78	13.26	11.6994	.95032
LIQUIDITY	5	1.37	2.28	1.6660	.39824
PROFIT	5	.18	.31	.2334	.05705

Kajian ini mendapati bahawa nilai sisihan piawai yang paling tinggi adalah nisbah aktiviti dengan sisihan piawainya 0.95032 dan paling rendah adalah nisbah keuntungan dengan sisihan piawainya 0.05705. Dapatan ini berbeza dengan kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji Akhor & Jafaru (2015) di mana nisbah leveraj, pasaran dan keuntungan sangat mempengaruhi penilaian prestasi kewangan syarikat di mana nilai sisihan piawainya sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa pembolehubah nisbah aktiviti, kecairan dan leveraj dalam kajian ini mempengaruhi, memberi kesan atau berisiko tinggi ke atas penilaian prestasi bagi syarikat yang dikaji. Dari aspek hubungan antara pembolehubah yang dikaji, pengkaji menggunakan korelasi Pearson dan analisisnya adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Analisis Korelasi Pearson

		ROA	LEVERAGE	ACTIVITY	LIQUIDITY	PROFIT
ROA	Pearson Correlation	1				
	Sig. (2-tailed)					
LEVERAGE	Pearson Correlation	-.972**	1			
	Sig. (2-tailed)	.006				
ACTIVITY	Pearson Correlation	.822	-.914*	1		
	Sig. (2-tailed)	.087	.030			
LIQUIDITY	Pearson Correlation	.981**	-.979**	.903*	1	
	Sig. (2-tailed)	.003	.004	.036		
PROFIT	Pearson Correlation	.996**	-.960**	.781	.961**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.009	.119	.009	

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual 3 menunjukkan hubungan antara penilaian prestasi kewangan syarikat (ROA) dengan pembolehubah-pembolehubah lain. Analisis menunjukkan bahawa penilaian prestasi sesebuah syarikat itu mempunyai hubungan negatif dengan nisbah leveraj (LEVERAGE=-0.972), manakala nisbah keuntungan (PROFIT=0.996), nisbah kecairan (LIQUIDITY=0.981) dan nisbah aktiviti (ACTIVITY=0.822) mempunyai hubungan positif dengan penilaian prestasi kewangan syarikat. Dapatan ini juga berbeza dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Akhor & Jafaru (2015) di mana nisbah kecairan mempunyai hubungan negatif dan pembolehubah yang lain adalah positif.

Menurut penulis D. Rowntree (1981), analisis korelasi ini menunjukkan bahawa nilai pekali 'r' bagi pembolehubah prestasi dan nisbah leveraj adalah sebanyak 0.972, pembolehubah prestasi dan nisbah kecairan adalah sebanyak 0.981, pembolehubah prestasi dan nisbah keuntungan adalah sebanyak 0.996 dan pembolehubah prestasi dan nisbah aktiviti adalah sebanyak 0.822. Dapatan ini tidak sama dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Akhor & Jafaru (2015) di mana nilainya pada nilai yang rendah. Ini menunjukkan bahawa pembolehubah nisbah-nisbah yang dikaji (objektif kajian) mempunyai hubungan atau kesan yang sangat kuat ke atas penilaian prestasi kewangan syarikat.

Bagi mengetahui signifikannya pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini, Jadual 3 juga memaparkan hasil analisisnya. Di dapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah penilaian prestasi syarikat dengan nisbah leveraj di mana nilai signifikannya 0.006, nisbah kecairan di mana nilai signifikannya adalah 0.003 dan nisbah keuntungan di mana nilai signifikannya 0.000. Semuanya adalah lebih kecil daripada nilai signifikan yang ditetapkan iaitu 1%. Oleh itu hipotesis null ditolak. Namun begitu, di dapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah penilaian prestasi syarikat dengan nisbah aktiviti di mana nilai signifikannya adalah 0.087 adalah melebihi nilai signifikan yang telah ditetapkan iaitu 1%. Oleh itu, semua hipotesis null diterima. Dapatan ini tidak sama dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Akhor & Jafaru (2015) di mana semua pembolehubah yang diuji adalah signifikan.

9.0 Kesimpulan dan cadangan

Dalam kajian penilaian prestasi kewangan syarikat melalui kaedah analisis nisbah, dapatan empirikal mendapati bahawa leveraj mempunyai hubungan negatif dan memiliki kesan signifikan ke atas penilaian prestasi kewangan syarikat. Dengan ini, Pengurus Kewangan bagi sesebuah syarikat mesti mengawal jumlah hutangnya terutamanya liabiliti jangka pendek supaya jumlah keuntungan tidak teruk terjejas. Nisbah keuntungan pula mempunyai hubungan yang positif dan memiliki kesan signifikan ke atas penilaian prestasi kewangan syarikat. Ternyata bahawa nisbah

keuntungan ini merupakan pengukur kapasiti pendapatan dan indikator prestasi, pertumbuhan dan kawalan kepada syarikat. Oleh itu, firma perlu melaksanakan pelbagai perancangan untuk meningkatkan pendapatan dan kawalan kos yang efektif.

Oleh kerana kajian ini fokus kepada satu syarikat sahaja maka kajian lanjut perlu dilaksanakan di masa hadapan dengan pengumpulan data beberapa syarikat dari pelbagai industri agar dapatan empirikalnya nanti boleh dijadikan bukti kukuh bahawa kaedah analisis nisbah itu sangat berperanan sebagai pengukur penilaian prestasi kewangan syarikat.

Rujukan

Abdallah Ali (2008). *Financial analysis and its uses for controlling the performance and revealing the deviations*, Unpublished thesis, University of Open Arab Academy, Denmark

Abdel- Rahman kh. El- Dalabeeh (2013). The role of financial analysis ratio in evaluating performance (Case Study: National Chlorine industry), *Interdisciplinary Journal Of Contemporary Research In Business*, Institute Of Interdisciplinary Business Research, Vol 5, No 2.

Akhor Sadiq Oshoke & Jafaru Sumaina (2015). Performance evaluation through ratio analysis, *Journal of Accounting and Financial Management Vol. 1 No.8*.

Baran, D. (2015). *Controlling*. Bratislava. ES STU.

Brigham, E.F. & Ehrhardt, M.C (2010). *Financial management theory and practice. 13th edn.*, South-Western Cengage Learning, Mason, OH, ISBN: 1439078106, pp: 1184.

Bursa Saham Malaysia (2017). *Financial Information, Amway Malaysia*. Retrieved from <https://www.amway.my/en/amway-global/investor-relations/financial-information>.

D. Rowntree, *Statistics Without Tears: A Primer for non-Mathematicians*, Penguin, London.

Dusan Baran, Andrej Pastyr, Daniela Baranova (2016). *Financial Analysis Of A Selected Company*, Research Papers Faculty Of Materials Science And Technology In Trnava Slovak, University Of Technology In Bratislava, Volume 24, Number 37.

Kapil Khatter & Dinesh Mathur (2018). A comparative study of financial performance using ratio analysis between ABB and Rockwell, *Journal of*

Management Engineering and Information Technology (JMEIT), Volume -5, Issue- 1.

Knapková, A., & Paveleková, D. (2013). *Financial analysis: A Comprehensive Guide with examples*.2. Extended release. Prague: Grada Publishing.

Lasher, W.R. (2005). *Practical financial management. 4th Edn.*, South-Western College Pub., USA., ISBN-10: 0324260768, pp: 784.

Lermack, H., (2003). *Steps to a basic company financial analysis*. Philadelphia University, Philadelphia.

Mohammed Nuhu (2014). Role of ratio analysis in business decisions:a case study NBC Maiduguri Plant, *Journal of Educational and Social Research MCSER Publishing*, Rome-Italy, Vol. 4 No.5.

Ms. B. Kishori & Sija Mol. PR(2018). *A Study On Financial Performance Of Canara Bank*, Ijariie Vol-4 Issue-3.

Mustabsar Awais & Aisha Khursheed (2016). Impact of liquidity on profitability: a comprehensive case of Pakistan's Private Banking Sector.*International Journal of Economics and Finance; Vol. 8, No. 3*.

Myšková, R., & Hájek, P. (2017). Comprehensive assessment of firm financial performance using financial ratios and linguistic analysis of annual reports. *Journal Of International Studies*, 10(4), 96-108.

Olena Savchuk (2014). *Thesis on Liquidity Analysis of a Company*, Sigillum Universitatis Islandiae, Haskoli Islands.

Pritesh C.Pancha & Mukesh B.Tagariya (2016). A study on financial performance using ratio analysis of Hindalco Aluminium Company Ltd., *International Journal For Innovative Research In Multidisciplinary Field*, Volume - 2, Issue – 12.

Sugandha Sharma & Navneet Joshi (2017). Financial ratio analysis of ITC Limited, *International Journal of Engineering Technology, Management and Applied Sciences*, Volume 5, Issue 6.

Vijay S Patel & Chandresh B. Mehta (2012). A financial ratio analysis of Krishak Bharati Cooperative Limited, *International Journal Of Marketing, Financial Services & Management Research*, Vol.1 Issue 10.